


AM > BERITA



Najib Kagum Penglibatan Jurutera Muda Berbilang Kaum Dalam Projek MRT



Gambar Fail Bernama

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau kagum dengan penglibatan begitu ramai jurutera muda Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang dalam projek Transit Aliran Massa (MRT).

Beliau berkata pengetahuan dan pengalaman yang ditimba dalam bidang itu sangat berharga dan amat diperlukan di masa hadapan bukan sahaja untuk negara malah pembangunan kerjaya mereka sendiri.

"Setiap kali saya melawat tapak pembinaan MRT, saya sentiasa kagum melihat begitu ramai jurutera muda Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang terlibat dalam projek berprofil tinggi ini.

"Saya bangga melihat anak-anak muda Malaysia dalam projek MRT ini kerana bukan sahaja mereka dapat belajar daripada para jurutera yang lebih berpengalaman bahkan diberi peluang untuk menjadi pengurus-pengurus projek walaupun umur mereka masih dalam lingkungan 20 ke 30-an," katanya dalam entri terbaharu di blog NajibRazak.com pada Jumaat.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata projek itu bukan sahaja penambahan kepada infrastruktur pengangkutan awam di negara ini, bahkan telah membawa masuk teknologi kejuruteraan canggih ke Malaysia.

"Begitu juga dengan projek-projek lain yang memerlukan teknologi kejuruteraan canggih seperti projek Pengerang, Jambatan Pulau Pinang Kedua, projek Menara KL118, Keretapi Berkelajuan Tinggi," katanya.

Katanya projek-projek berteknologi tinggi itu mampu melahirkan bakat-bakat yang mampu memacu pembangunan negara masa kini dan masa hadapan.

Pada 11 Nov lepas, semasa melawat depot tren MRT di Sungai Buloh dekat sini, Najib dilaporkan berkata yakin jajaran pertama projek itu dapat beroperasi menjelang akhir tahun depan seperti yang dijadualkan.

Menurut Najib, MRT kini memiliki 19 buah tren dan akan menerima 35 buah tren lagi menjelang pertengahan tahun depan.

-- BERNAMA

[>> Senarai Berita](#)Purchase This News 

Kami menyediakan langganan berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).

Ketahui perkembangan dunia pemiagaan dan ekonomi Malaysia menerusi
MALAYSIA eBiz Mingguan
 Versi Bahasa Inggeris

Berita Utama Terdahulu

Malaysia Galas Tugas Pengerusi Asean Dengan Cemerlang, Kata Penganalisis Asean
 Komuniti Global Iktiraf Sumbangan Besar Malaysia Kepada ASEAN - Najib
 Pengerusi ASEAN 2016 Laos Pamer Logo, Tema

Berita Terkini Lain

Bekas Speaker Pahang Meninggal Akibat Kencing Manis - politik
 Malaysia Kongsi Pandangan Ketika Sidang Kemuncak ASEAN Campur Tiga - ekonomi
 India Juara Hoki Piala Remaja Asia - sukan
 Sistem Pembiayaan Dialisis Perlu Pembaharuan - rencana
 Early Snow For Beijing - dunia

Berita Pilihan Tertinggi

268 Syor Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3
 YaPEIM Akan Perjelas Isu Fitnah Kepada 3,000 Penyumbang Yang Menarik Diri
 Malaysia Galas Tugas Pengerusi Asean Dengan Cemerlang, Kata Penganalisis Asean

